WAYGROUND formerly Quizizz Worksheets

**2026 Trial Sejarah T5 Bab 9**

Total questions: 33

Worksheet time: 50mins

Instructor name: Mr. Azhari Mohamed

Name

Class

Date

1. 2026 Trial Selangor (set 1)

   Apakah faktor yang mempengaruhi penggubalan dasar luar Malaysia?

   a) Persamaan bahasa
   b) Peluang pekerjaan
   c) Keperluan nasional
   d) Kedudukan geografi

2. 2026 Trial Selangor (set 1)

   Pada tahun 1970, Malaysia telah menandatangani Perisytiharan Lusaka.
   Apakah tujuan perisytiharan tersebut?

   a) Peningkatan kerjasama ekonomi
   b) Pengharaman senjata nuklear
   c) Penyeragaman mata wang
   d) Melindungi hak asasi

3. 


   2026 Trial Selangor (set 2)

   Maklumat berikut berkaitan perubahan pengamalan dasar luar Malaysia.
   Apakah faktor yang mempengaruhi perubahan tersebut?

   a) Nilai sejarah
   b) Persekitaran luar
   c) Ikatan keagamaan
   d) Kebolehan pemimpin

4. 2026 Trial Selangor (set 2)

   Malaysia menandatangani Perisytiharan Lusaka pada tahun 1970 semasa Persidangan Pergerakan Negara-negara Tanpa Pihak (NAM) di Zambia.
   Apakah iltizam NAM melalui perisytiharan tersebut?

   a) Memperjuangkan hak asasi manusia
   b) Menentang pencerobohan kuasa besar
   c) Mendesak pengharaman senjata nuklear
   d) Mempertahankan kedaulatan negara kecil



LIVEWORKSHEETS

5.

| | Misi Pengaman | Misi Pegawai Pemerhati |
|---|---|---|
| A | Menjadi jurubahasa | Mendaulatkan undang-undang |
| B | Mengawasi gencatan senjata | Membantu pentadbiran dan pengurusan |
| C | Menghapuskan pemberontak | Melaksanakan perintah berkurung |
| D | Memberikan latihan teknikal | Memastikan keselamatan penduduk |

2026 Trial Sejarah Johor (Set 1)

Pasangan pernyataan manakah yang betul berkenaan dengan peranan tentera Malaysia dalam misi anjuran PBB?

a) A
b) B
c) C
d) D

6. 2026 Trial Sejarah Johor (Set 1)

Pelantikan Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj sebagai Setiausaha Agung yang pertama menunjukkan penglibatan Malaysia dalam Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC).
Apakah tugas utama beliau dalam OIC terhadap masyarakat Islam di seluruh dunia?

a) Memastikan pembelaan sewajarnya
b) Menjadi Pengerusi OIC yang pertama
c) Memastikan kepatuhan terhadap ajaran Islam
d) Menyuarakan isu Palestin

7. 2026 Trial SMKA

Apakah matlamat penggubalan dasar luar Malaysia?

I. Melindungi kepentingan nasional
II. Mengukuhkan sistem pertahanan negara
III. Menggalakkan perkembangan domestik
IV. Memupuk hubungan baik dengan negara luar

a) I dan II
b) I dan IV
c) II dan III
d) III dan IV

8. 2026 Trial SMKA

Mengapakah Malaysia menandatangani Perisytiharan Lusaka pada tahun 1970?

a) Membantu negara-negara miskin
b) Mengawal penggunaan senjata nuklear
c) Mengawal harga komoditi di pasaran dunia
d) Mengecam tindakan Israel terhadap Palestin


LIVEWORKSHEETS

9. <u>2026 Trial Negeri Sembilan</u>

Maklumat berikut berkaitan agensi di bawah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

**Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan (UNESCO)**

Apakah manfaat yang diperoleh Malaysia melalui pertubuhan tersebut?

a) Bantuan kemanusiaan
b) Kawalan sempadan diperketat
c) Memperoleh kemudahan kredit
d) Pengiktirafan Tapak Warisan Dunia

10. <u>2026 Trial Negeri Sembilan</u>

Malaysia menjalin hubungan serantau dengan negara-negara di Asia Tenggara.
Apakah kesan hubungan tersebut?

a) Hasil bumi dikongsi bersama
b) Kemasukan imigiran bertambah
c) Meluaskan wilayah pentadbiran
d) Kedaulatan negara terjamin

11. Rancangan Colombo

<u>2026 Trial Melaka</u>

Maklumat berikut berkaitan rancangan pembangunan ekonomi dan sosial di bawah Komanwel.
Mengapakah rancangan tersebut penting kepada negara Komanwel?

a) Menggalakkan kegiatan pelancongan
b) Menyediakan pembiayaan kewangan
c) Menangani masalah kemiskinan
d) Menjaga kelestarian alam

12. <u>2026 Trial Melaka</u>

Pada tahun 1976, Malaysia telah menyertai Sidang Kemuncak Ketua-ketua Negara ASEAN di Bali, Indonesia.
Apakah isu yang dibincangkan dalam persidangan tersebut?

a) Pertindihan sempadan
b) Pergolakan di Indochina
c) Pembentukan ASEAN
d) Penyalahgunaan dadah


LIVEWORKSHEETS

13.

- Ikatan Sejarah
- Kepimpinan
- Persekitaran Luar
- X

2026 Trial SABK

Maklumat berikut berkaitan dengan faktor yang mempengaruhi asas penggubalan dasar luar Malaysia.

Apakah X?

a) Kepentingan kedaulatan negara
b) Keperluan barisan ketenteraan
c) Pendirian pertubuhan serantau
d) Pengaruh kuasa-kuasa besar

14.

Mendukung Piagam PBB

2026 Trial SABK

Maklumat berikut merupakan komitmen Malaysia dalam pertubuhan antarabangsa.

Mengapakah Malaysia memberi komitmen tersebut?

a) Menegakkan hak asasi manusia
b) Membezakan kaum dan jantina
c) Menarik golongan pendatang
d) Membenarkan serangan bersenjata

15. 2026 Trial Kuala Lumpur

Dasar luar penting kepada Malaysia kerana mampu mempengaruhi tindakan negara.

Pihak manakah yang berperanan menggubal dasar tersebut?

a) Kementerian Dalam Negeri
b) Kedutaan Malaysia
c) Parlimen Malaysia
d) Pejabat Wisma Putra

16. 2026 Trial Kuala Lumpur

Sidang kemuncak Ketua-Ketua Negara ASEAN telah diadakan di Bali, Indonesia pada tahun 1976.

Mengapakah persidangan tersebut diadakan?

a) Membincangkan pergolakan di Indochina
b) Mengatasi ancaman komunis di Thailand
c) Menamatkan konfrontasi Indonesia
d) Menyelesaikan pencemaran alam sekitar


LIVEWORKSHEETS

17. 2026 Trial Perak

Apakah faktor yang mempengaruhi penggubalan dasar luar Malaysia?

a) Pendirian pertubuhan serantau
b) Kepentingan ekonomi negara
c) Keperluan ketenteraan
d) Pengaruh kuasa besar

18.

- Congo (Afrika)
- Kemboja (Asia)
- Bosnia dan Herzegovina (Eropah)

2026 Trial Perak

Malaysia telah menjayakan misi pengaman anjuran PBB di negara berkonflik berikut.
Antara berikut, yang manakah tugas misi di negara tersebut?

a) Membantu pentadbiran
b) Mengadakan perjanjian
c) Mengawasi genjatan senjata
d) Mendaulatkan undang-undang

19.

- Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC)
- Setiausaha Agung pertama ialah Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj

2026 Trial Perak

Maklumat berikut berkaitan pertubuhan antarabangsa.
Apakah matlamat pertubuhan tersebut?

a) Menyelesaikan konflik serantau
b) Mengukuhkan pakatan ketenteraan
c) Menjayakan misi pegawai pemerhati
d) Menjaga kepentingan negara anggota

20.

Probarat dan anti komunis → Berkecuali

2026 Trial Terengganu

Maklumat berikut berkaitan dengan dasar luar Malaysia.
Mengapakah dasar tersebut berubah?

a) Kejatuhan komunis
b) Kehendak rakyat
c) Kepentingan nasional
d) Kemelesetan ekonomi


LIVEWORKSHEETS

21. 2026 Trial Terengganu

Sebagai anggota Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Malaysia telah memberi sumbangan ke arah memelihara keamanan dunia.

Apakah sumbangan tersebut?

I. Menyertai misi pengaman

II. Menghantar pasukan pemerhati

III. Mengukuhkan hubungan ekonomi

IV. Membebaskan negara yang dijajah

a) I dan II
b) I dan IV
c) II dan III
d) III dan IV

22. 2026 Trial Pahang

Maklumat berikut berkaitan dasar luar negara kita.

**"Malaysia menjalin hubungan dengan Arab Saudi, Mesir dan Yaman"**

Mengapakah Malaysia bertindak demikian?

a) Persekitaran luar
b) Ikatan sejarah
c) Keperluan nasional
d) Kebolahan pemimpin

23. 2026 Trial Pahang

Malaysia telah membangkitkan isu berkaitan Bosnia Herzegovina dalam Sidang Kemuncak NAM di Jakarta Indonesia pada tahun 1992.

Apakah keputusan yang dicapai dalam persidangan tersebut?

a) Menyekat bantuan ketenteraan
b) Memecat ketua pemimpin Serbia
c) Menghentikan kerjasama ekonomi
d) Menggantung keahlian Yugoslavia

24. 2026 Trial Kedah

Bagaimana Kesultanan Melayu Melaka dapat menjalin hubungan yang erat dengan kerajaan di luar Alam Melayu pada abad ke-15?

a) Perkahwinan diraja
b) Pertukaran teknologi
c) Penghantaran utusan
d) Pembukaan pejabat diplomatik


LIVEWORKSHEETS

25. Gambar berikut berkaitan mesyuarat Majlis Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA) ke-39 di Malaysia pada 23 September 2025.



2026 Trial Kedah

Mengapakah kawasan perdagangan tersebut diwujudkan?

I. Memupuk kerjasama ekonomi

II. Mengurangkan tarif dan cukai barangan

III. Mengawal laluan kapal dagang secara kerjasama

IV. Mewujudkan syarikat perdagangan ASEAN bersama

a) I dan II
b) I dan IV
c) II dan III
d) III dan IV

26. 2026 Trial Kelantan

Manakah yang berikut merupakan faktor yang mempengaruhi penggubalan dasar luar Malaysia?

I. Ikatan Sejarah

II. Pembangunan

III. Kebudayaan

IV. Keperluan Nasional

a) I dan II
b) I dan IV
c) II dan III
d) III dan IV

27. 2026 Trial Kelantan

Malaysia nenyertai Pertubuhab Kerjasama Islam (OIC) pada 25 September 1969. Mengapakah Malaysia menyertai pertubuhan tersebut?

a) Mengeratkan persahabatan
b) Mengembangkan industri
c) Meningkatkan kerjasama
d) Menyuarakan pandangan



LIVEWORKSHEETS

28.

| Tahun | 1970 | 1990 | 2000 |
|---|---|---|---|
| Kadar Kemiskinan | 49.3 % | 17.1 % | 7.2 % |

2026 Trial Sarawak

Jadual berikut berkaitan kadar kemiskinan di Malaysia dari tahun 1970 hingga tahun 2000. Mengapakah berlaku penurunan kadar kemiskinan dalam kalangan masyarakat di Malaysia?

a) Penyusunan modal saham kepada bukan bumiputera

b) Pemberian subsidi kepada masyarakat bandar

c) Penambahan pendapatan isi rumah

d) Penyertaan bumiputera dalam projek perumahan

29. 2026 Trial Sarawak

Afrika Selatan mengamalkan Dasar Aparteid.

Mengapakah Malaysia menentang dasar tersebut?

a) Hubungan dagang terhad

b) Dasar komunis diamalkan

c) Kebebasan beragama disekat

d) Diskriminasi kaum dilaksanakan

30. 2026 Trial SBP

Apakah usaha yang dilakukan oleh anggota Komanwel dalam menangani masalah kemiskinan?

a) Menyertai Pertubuhan Kesihatan Sedunia

b) Melaksanakan Rancangan Colombo

c) Menubuhkan tabung kemanusiaan

d) Menyertai sidang kemuncak dunia

31.

| Tahun | Perjanjian |
|---|---|
| 1970 | Perisytiharan Lusaka |

2026 Trial SBP

Jadual berikut berkaitan penglibatan Malaysia dalam Pergerakan Negara-negara Tanpa Pihak (NAM).


| Tahun | Perjanjian |
|---|---|
| 1970 | Perisytiharan Lusaka |


Apakah kepentingan perisytiharan tersebut?

a) Menamatkan perang saudara

b) Mengharamkan senjata nuklear

c) Melaksanakan gencatan senjata

d) Memindahkan mangsa perang



LIVEWORKSHEETS

32. 2026 Trial Pulau Pinang

Apakah matlamat penggubalan dasar luar Malaysia?

a) Mengukuhkan ikatan sejarah

b) Melindungi kepentingan nasional

c) Membentuk kebolehan pemimpin

d) Mendukung Piagam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB)

33. 2026 Trial Pulau Pinang

Bagaimanakah perluasan pengaruh komunis di Indochina memberi kesan terhadap Malaysia?

a) Kemerosotan nilai mata uang

b) Kejatuhan sistem demokrasi

c) Kebanjiran pendatang asing

d) Keruntuhan institusi beraja



LIVEWORKSHEETS